

Kerajaan akan melaksanakan semakan dan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 Julai ini untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara dengan meningkatkan hasil dan meluaskan asas percukaian.

Persoalan yang bermula di dalam pikiran banyak pihak, sejauh mana pelaksanaannya tidak akan membebankan rakyat.

Ikuti temu bual Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia DR CHAKRIN UTIT bersama wartawan, NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN bagi mengupas isu ini.

Adakah sesuai semakan dan peluasan skop SST dikuatkuasakan pada 1 Julai ini, sedangkan kita berdepan dengan kenaikan kos sara hidup?

Kesesuaian pelaksanaan semakan semula SST bergantung kepada sejauh mana keseimbangan dapat dicapai antara keperluan fiskal dan perlindungan rakyat.

Daripada satu sisi, beberapa petunjuk ekonomi domestik menunjukkan tanda pemulihan, khususnya dalam aspek kestabilan harga.

Tekanan harga pengguna semakin reda, disokong oleh kadar inflasi pada Mei 2025 yang direkodkan sebagai paling rendah dalam tempoh 51 bulan.

Perkembangan ini memberi ruang kepada kerajaan untuk melaksanakan reformasi hasil tanpa tekanan besar terhadap inflasi.

Pada masa sama, ketidaktentuan global, termasuk ketegangan geopolitik yang boleh menjelaskan rantaian perdagangan, berisiko meningkatkan kos import dan logistik, sekali gus memberi kesan tidak langsung kepada harga dalam negara.

Dalam konteks ini, semakan semula SST perlu dibuat secara berhati-hati dan disertai dengan langkah sokongan yang bersesuaian agar beban terhadap rakyat, khususnya kumpulan berpendapatan rendah, dapat dikurangkan.

Apa manfaat yang rakyat terima dengan semakan dan peluasan skop SST?

Manfaat utama diterima rakyat daripada semakan dan peluasan skop SST bergantung kepada sejauh mana hasil tambahan yang dijana, dapat digunakan secara strategik untuk menyokong kebijakan awam dalam jangka pendek dan memperkuuh kedudukan fiskal negara jangka panjang.

Dalam jangka pendek, hasil cukai yang meningkat memberi ruang kepada kerajaan untuk menyalurkan bantuan bersasar kepada isi rumah terkesan

Apa inisiatif bagi memastikan rakyat tidak terkesan dengan semakan dan peluasan skop SST?

Pertama, kerajaan perlu memastikan reka bentuk SST mengekalkan prinsip progresif dan bersasar.

Khususnya dengan mengecualikan barang keperluan asas serta perkhidmatan penting daripada dikenakan cukai.

Langkah ini penting untuk melindungi isi rumah daripada kenaikan harga secara langsung terhadap komponen utama

dengan tekanan kos sara hidup.

Pada masa sama, struktur SST yang dikekalkan secara bersasar, dengan pengecualian cukai ke atas barang dan perkhidmatan asas, membantu mengekalkan kestabilan harga bagi keperluan harian serta mengurangkan kesan cukai terhadap pengguna akhir.

Untuk jangka panjang, manfaat kepada rakyat bergantung kepada bagaimana hasil SST dimanfaatkan untuk membina asas ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya tahan.

Ini termasuk pelaburan dalam perkhidmatan awam seperti pendidikan dan kesihatan, peningkatan kemudahan awam, pengembangan program latihan dan peningkatan kemahiran, serta sokongan terhadap produktiviti isi rumah juga perusahaan kecil.

Apa inisiatif bagi memastikan rakyat tidak terkesan dengan semakan dan peluasan skop SST?

Pertama, kerajaan perlu memastikan reka bentuk SST mengekalkan prinsip progresif dan bersasar.

Khususnya dengan mengecualikan barang keperluan asas serta perkhidmatan penting daripada dikenakan cukai.

Langkah ini penting untuk melindungi isi rumah daripada kenaikan harga secara langsung terhadap komponen utama



CHAKRIN

KESAN SEMAKAN DAN PELUASAN SKOP SST ‘BERI RUANG KERAJAAN SALUR BANTUAN BERSASAR’

perbelanjaan harian.

Kedua, mekanisme pemantauan harga dan penguatkuasaan pasaran perlu diperkuuh.

Ini termasuk kawalan terhadap peniaga yang menaikkan harga secara tidak munasabah atas alasan perubahan cukai, walaupun barang atau perkhidmatan mereka tidak terkesan.

Tindakan tegas terhadap manipulasi harga dan penetapan garis panduan harga yang jelas adalah sebahagian daripada tanggungjawab dasar tidak boleh diabaikan.

Ketiga, kerajaan bertanggungjawab memastikan komunikasi dasar yang telus dan mudah difahami oleh pengguna dan peniaga.

Ini meliputi penyebaran maklumat mengenai jenis barang yang dikenakan atau dikecualikan cukai, kadar terbabit serta objektif penggunaan hasil cukai itu.

Keempat, keberkesanan pelaksanaan bergantung kepada sejauh mana kerajaan dapat menyampaikan dasar dengan sistem penyampaian yang cekap dan terselaras merentas kementerian, agensi serta pihak industri.

Fragmentasi maklumat atau kelewatan pelaksanaan boleh

menyebabkan kekeliruan yang akhirnya memindahkan risiko kepada pengguna.

Akhir sekali, tanggungjawab kerajaan bukan sekadar mengurus kesan jangka pendek, tetapi turut membabitkan usaha berterusan membina daya tahan rakyat terhadap perubahan kos.

Barangan asas rakyat kekal sifar peratus cukai jualan, adakah ada jaminan tiada kenaikan harga?

Walaupun barangan asas dikecualikan daripada cukai jualan, namun tiada jaminan harganya akan kekal.

Harga akhir kepada pengguna masih bergantung kepada pelbagai kos lain dalam rantai pengeluaran dan pengedaran.

Ia termasuk kos pengangkutan, pembungkusan dan bahan input yang mungkin terkesan secara tidak langsung akibat perubahan struktur cukai ke atas perkhidmatan atau barang berkaitan.

Kenaikan kos di peringkat ini boleh mempengaruhi harga barang asas, walaupun ia sendiri tidak dikenakan cukai.

Dalam keadaan ini, peniaga berkemungkinan menaikkan harga dengan merujuk kepada kos operasi yang meningkat

dan pengguna pula sukar menilai justifikasi itu, jika tidak mengetahui barang mana yang sebenarnya dikecualikan cukai.

Semakan dan peluasan skop SST akan meningkatkan pendapatan kerajaan dan negara, tetapi kehidupan rakyat pula semakin terhimpit.

Memang benar semakan dan peluasan skop SST bertujuan meningkatkan hasil negara, namun keimbangan terhadap tekanan kos hidup rakyat juga wajar diberi perhatian.

Dalam jangka pendek, penyesuaian kadar cukai dan peluasan skop perkhidmatan boleh memberi kesan segera kepada kos pengguna, terutama jika tiada langkah mitigasi yang berkesan.

Oleh itu, hasil tambahan yang dijana tidak boleh dilihat semata-mata sebagai keuntungan fiskal.

Tetapi perlu dikembalikan semula kepada rakyat melalui dasar yang menyokong kestabilan harga dan perlindungan golongan berpendapatan rendah.

Dalam jangka panjang pula, reformasi hasil seperti SST penting untuk memastikan kerajaan mempunyai ruang fiskal mencukupi bagi membiayai perkhidmatan awam, memperkuuh kemampuan subsidi dan melabur dalam pendidikan, kesihatan serta infrastruktur.

Tanpa pembaharuan cukai, kebergantungan kepada hutang atau hasil tidak lestari boleh membebankan negara.

“
Reformasi hasil seperti SST penting untuk memastikan kerajaan mempunyai ruang fiskal mencukupi
Chakrin